



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

---

**GARIS PANDUAN PENYENARAIAN  
PREMIS MAKANAN SEDIA DIMAKAN  
(*READY TO EAT*) KE SINGAPURA**

**(MULAI 1 SEPTEMBER 2016)**

---

# GARIS PANDUAN PENYENARAIAAN PREMIS MAKANAN SEDIA DIMAKAN KE SINGAPURA

---

## 1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan protokol ini adalah untuk menguruskan tatacara penyenaiaan premis makanan sedia dimakan ke Singapura bagi memastikan ianya mematuhi syarat yang ditetapkan oleh AVA Singapura.
- 1.2 Protokol ini dapat menyeragamkan aspek permohonan untuk penyenaiaan premis makanan sedia dimakan ke Singapura.

## 2. SKOP

Garis panduan ini terpakai bagi pengeksportan penyenaiaan premis makanan sedia dimakan ke Singapura bagi 6 kategori makanan seperti berikut:

- a. Kuih-muih tradisional (*Traditional Cakes/Kueh*)
- b. Nasi lemak dan makanan mudah rosak yang lain (*Nasi lemak & other perishable food*)
- c. Kuih bulan (*Moon cake*)
- d. Formula bayi (*Infant formula*)
- e. Bijirin bayi (*Infant cereal*)
- f. *Dried beancurd sticks, skins and sheets*

## 3. SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan bagi penyenaiaan premis makanan sedia dimakan ke Singapura boleh dibuat di Cawangan Eksport, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 3.2 Permohonan oleh syarikat yang berdaftar di negara ini:
- 3.2.1 Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
  - 3.2.2 Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pendaftaran Premis Makanan dan borang (Borang KKM-PPKM-1/09) boleh diperolehi secara *online* melalui laman sesawang <http://fosimdomestic.moh.gov.my>.
  - 3.2.3 Premis mempunyai lesen atau kelulusan daripada PBT atau surat pengesahan dari mana-mana agensi kerajaan.
- 3.3 Bagi pemohon yang bukan pengilang, mereka perlu mendapatkan bekalan dari pembekal/pengilang yang telah disenaraikan oleh KKM.

Selain itu pemohon bukan pengilang perlu mengemukakan senarai pembekal/pengilang beserta kod premis untuk setiap pembekal.

- 3.4 Premis pengeksport mematuhi keperluan negara pengimport dan Akta Makanan 1983 serta peraturan-peraturan di bawahnya.
- 3.5 Premis pemprosesan untuk produk yang dieksport perlu **melaksanakan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)** sekurang-kurangnya Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).
- 3.6 Bagi premis pemprosesan yang melaksanakan PJKM selain daripada KKM, pemeriksaan premis perlu dijalankan dan memperolehi *rating* pemeriksaan **tidak kurang dari 85%**.
- 3.7 Pemeriksaan premis **dikecualikan** bagi premis pemprosesan yang mempunyai pensijilan MeSTI/GMP/HACCP dari KKM.
- 3.8 Syarikat boleh dikeluarkan dari senarai penyenaraian premis makanan sedia dimakan ke Singapura sekiranya:
  - 3.8.1 Pemantauan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) atau Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) mendapati pihak **syarikat tidak mengekalkan kepatuhan** terhadap keperluan yang ditetapkan; atau
  - 3.8.2 Terlibat dengan **kejadian keracunan makanan**; atau
  - 3.8.3 Syarikat **tidak lagi beroperasi** di premis yang dilesenkan; atau
  - 3.8.4 Terlibat dengan **penolakan/perlanggaran** bagi pengeksportan ke Singapura.
- 3.9 Sebarang penambahan produk atau penukaran nama atau alamat premis, pemohon perlu mengemukakan surat rasmi bersama borang permohonan lengkap kepada Cawangan Eksport, BKMM (Ibu Pejabat). Tiada fi dikenakan.
- 3.10 Premis pengeksport perlu memastikan produk yang dieksport **mematuhi keperluan negara pengimport** melalui verifikasi sendiri (own check).

#### 4. PERMOHONAN

4.1 Permohonan perlu dikemukakan dengan menggunakan Borang KKM/2016/EX/F.CLS.00 seperti di **Lampiran 1**.

4.2 **Dokumen-dokumen yang perlu disertakan** bersama borang permohonan adalah seperti berikut :

- a) Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- b) Sijil Pendaftaran Premis/Slip pendaftaran premis dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- c) Lesen pengilangan atau kelulusan daripada PBT atau surat pengesahan dari mana-mana agensi kerajaan.

4.3 Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapi.

#### 5. FI PENYENARAIAN PREMIS MAKANAN SEDIA DIMAKAN (*READY TO EAT*) KE SINGAPURA DAN TEMPOH SAH LAKU

##### 5.1 Mempunyai sijil GMP/HACCP KKM

<b>Perkara</b>	<b>Tempoh Sah Laku</b>	<b>Fi (per sijil)</b>
(a) Permohonan baru	3 tahun	RM 500.00
(b) Pembaharuan	3 tahun	RM 500.00
(c) Surveilan	3 tahun	RM 500.00

##### 5.2 Tanpa sijil GMP/HACCP KKM

<b>Perkara</b>	<b>Tempoh Sah Laku</b>	<b>Fi (per sijil)</b>
(a) Permohonan baru	3 tahun	RM 1000.00
(b) Pembaharuan	3 tahun	RM 1000.00
(c) Surveilan	3 tahun	RM 850.00

5.3 **Fi permohonan baru atau pembaharuan perlu dibayar bersama fi surveilan.**

5.4 Bayaran fi tersebut perlu dibuat di dalam bentuk deraf bank / kiriman wang / wang pos di atas nama “**Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia**” dan hendaklah dikemukakan ke BKKM (Ibu Pejabat).

## **6. PENSAMPELAN**

6.1 Pensampelan dijalankan mengikut kehendak negara pengimport dan Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan dibawahnya.

6.2 Persampelan akan dijalankan oleh JKN atau PKD/PKB/PKK dan sampel dihantar ke Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan (MKKM) pada:

6.2.1 **permohonan pertama kali**

6.2.2 **semasa audit surveilan sekurang-kurangnya sekali setahun**

6.2.3 **permohonan pembaharuan**

6.3 Keputusan analisa mematuhi keperluan negara pengimport atau Peraturan Makanan 1985.

## **7. PEMBAHARUAN**

7.1 Permohonan bagi pembaharuan penyenaiaan perlu dikemukakan **tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku.**

7.2 Prosedur bagi permohonan pembaharuan penyenaiaan adalah mengikut prosedur permohonan yang terkandung di dalam dokumen ini.

## **8. PEMERIKSAAN PREMIS (SURVEILAN)**

Pemeriksaan premis (surveilan) pengeksport makanan sedia dimakan ke Singapura yang telah disenaraikan dengan KKM akan dijalankan ke atas premis yang melaksanakan PJKM selain daripada KKM sekurang-kurangnya sekali dalam setahun selama 3 tahun.

## **9. TEMPOH SAH LAKU PENYENARAIAN**

Penyenaiaan premis makanan sedia dimakan ke Singapura sah untuk **tiga (3) tahun.**

**10. PERMOHONAN PERLU DIHANTAR KEPADA**

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang telah ditetapkan hendaklah dihantar kepada:

Pengarah Kanan

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 4, Menara Prisma

No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3

62675 Putrajaya


(u/p: Cawangan Eksport)

Tel: +603 – 8885 0797


Fax: +603 – 8885 0790

Laman Web BKKM : <http://fsq.moh.gov.my>

**Carta Alir Proses Penyenaraian Premis Makanan Sedia Dimakan ke Singapura (Permohonan Pertama Kali dan Pembaharuan) Mempunyai MeSTI/GMP/HACCP KKM**



**Carta Alir Proses Penyenaraian Premis Makanan Sedia Dimakan ke Singapura (Permohonan Pertama Kali dan Pembaharuan) Tanpa MeSTI/GMP/HACCP KKM**







**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN PENYENARAIAAN  
PREMIS MAKANAN SEDIA DIMAKAN KE SINGAPURA  
APPLICATION FORM FOR LISTING OF READY TO EAT (RTE) FOOD PREMISE TO SINGAPORE**

**Jenis Permohonan / Type of Application**

Baru / New

Tambah Produk / Additional Product

Pembaharuan / Renewa

Lain-lain (Nyatakan) / Others (Please specify)

**Jenis Produk / Type of Product**

Formula bayi / Infant Formula

Kuih bulan / Mooncakes

Bijirin untuk bayi / Infant Cereal

Dried beancurd sticks, skins and sheets

Kuih Tradisional / Traditional cakes

Produk nasi dan makanan masak mudah rosak yang lain /  
Cooked rice products or other perishable  
cooked food

**Program Jaminan Keselamatan (jika ada) / Food Safety Assurance Program (if available)**

MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri)

GMP (Good Manufacturing Practice)

HACCP (Hazard Analysis and Critical Control Point)

Lain-lain (others) \_\_\_\_\_

**Maklumat Asas Pemohon / Particulars of Applicant**

1. Nama Pemohon <i>Name of Applicant</i>	
2. No. Kad Pengenalan <i>I/C Number</i>	
3. Nama Syarikat <i>Name of Company</i>	
4. Alamat Syarikat <i>Address of Company</i>	
5. Alamat Surat-Menyurat (Jika berlainan) <i>Correspondence Address (if different)</i>	
6. Nama dan Alamat Premis Pengeluaran <i>Name and Address of Production Premises</i>	
7. No. Pendaftaran Premis : <i>Premise Registration No. (Kementerian Kesihatan Malaysia/ Ministry of Health)</i>	
9. No Pendaftaran Syarikat (sertakan ROC) <i>Company Registration No. (please attach ROC cert.)</i>	
10. No. Lesen Premis Pengeluaran Dari Agensi Kerajaan / <i>Licence No. of Production Premises issued by Government Agency (please attach ROC cert.)</i>	
11.No. Telefon Pejabat : <i>Office Telephone Number</i> :	
12. No. Telefon Bimbit : <i>Mobile Telephone Number</i> :	
13. No. Faks : <i>Fax No.</i> :	
14. Alamat E-mail : <i>E-mail Address</i> :	

**Senarai Produk / List of Product(s)**

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_
6. \_\_\_\_\_
7. \_\_\_\_\_
8. \_\_\_\_\_
9. \_\_\_\_\_
10. \_\_\_\_\_

(Sila sertakan lampiran jika tidak mencukupi / *Please enclose the attachment if space provided is insufficient*)

**Senarai Pembekal / List of Supplier(s)**

Nama & Alamat (*Name & Address*)

No.Perakuan Pendaftaran Premis Makanan  
(*Food Premise Registration No.*)

- |          |       |
|----------|-------|
| 1. _____ | _____ |
| 2. _____ | _____ |
| 3. _____ | _____ |
| 4. _____ | _____ |

(Sila sertakan lampiran jika tidak mencukupi / *Please enclose the attachment if space provided is insufficient*)

**Pengakuan Pemohon / Applicant's Declaration**

Saya / I, .....  
(Nama Pemohon)  
(Name of Applicant)

Jawatan / : .....  
Designation

dengan ini mengaku bahawa ke semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar.  
hereby, declare that all the above information is true.

Tarikh / Date : .....

Cop syarikat / Company  
stamp

.....  
Tandatangan pemohon/ Signature of applicant

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/ FOR OFFICE USE**

No. rujukan / Reference. No.:

Tarikh terima / Date of receipt:

Status permohonan/ Status of Application:

i. Terima / Accept

ii. Tolak / Reject

Disemak oleh/ Checked by

Disahkan oleh/ Verified by

Nama/Name : .....

Nama/Name: .....

Tarikh/Date .....

Tarikh/Date: .....



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK KECUKUPAN PERMOHONAN PENYENARAIAAN  
PREMIS MAKANAN SEDIA DIMAKAN KE SINGAPURA**

Nama Syarikat :

Kategori Produk:

Tarikh Terima :

Tarikh Proses :

BIL.	PERKARA	ADA (✓) / TIADA (X)	CATATAN
1.	Borang Permohonan Penyenaraian Premis Pengeksport Makanan Diproses Sedia Dimakan ke Singapura ( <b>KKM/2016/EX/F-CLS</b> );		
2.	Salinan pengakuan perbadanan syarikat sendirian (Borang 9 atau 13) daripada pejabat pendaftaran syarikat;		
3.	No. Pendaftaran premis dengan KKM (FoSIM Domestik);		
4.	Sebarang dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen kilang atau lesen perniagaan		
5.	Program Jaminan Keselamatan Makanan (HACCP, GMP, MeSTI, dll) (jika ada)		
6.	No siri penyenaaraian premis pengeksport makanan diproses sedia dimakan ke Singapura		

Status permohonan / Lengkap / Complete

Tidak Lengkap / Incomplete

Diproses oleh/ Processed by:

Disemak oleh / Checked by:

Tandatangan / Signature:.....Tandatangan / Signature: .....

Jawatan / Designation: ..... Jawatan / Designation : .....

Tarikh / Date: ..... Tarikh / Date : .....